



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA (KUMPULAN WANG KEBAJIKAN JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA) 1997

[P.U. (A) 276/1997]

Sebagaimana pada 1 April 2023

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
2023

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA
(KUMPULAN WANG KEBAJIKAN JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA)
1997

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 17 Julai 1997
Tarikh permulaan kuat kuasa 17 Julai 1997

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 2009

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988****PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA
(KUMPULAN WANG KEBAJIKAN JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA)
1997**

SUSUNAN PERATURAN

Peraturan

1. Nama
2. Pentadbiran dan penggunaan Kumpulan Wang
3. Jumlah wang yang terakru
4. Kos pengurusan dan pengendalian
5. Pembayaran
6. Pemberian pinjaman
7. Hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan
8. Akaun

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA (KUMPULAN WANG KEBAJIKAN JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA) 1997

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 62(1)(o) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [*Akta 341*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Kumpulan Wang Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba) 1997**.

Pentadbiran dan penggunaan Kumpulan Wang

2. Kumpulan Wang hendaklah ditadbirkan dan digunakan mengikut peruntukan Akta, Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] dan Peraturan-Peraturan ini.

Jumlah wang yang terakru

3. (1) Segala jumlah wang yang terakru pada Kumpulan Wang di bawah subseksyen 48(2) Akta hendaklah dibayar tanpa apa-apa potongan kepada Akauntan Negara dan dikreditkan ke dalam Kumpulan Wang.

(2) Akauntan Negara hendaklah menenggarakan akaun yang sepatutnya bagi Kumpulan Wang.

Kos pengurusan dan pengendalian

4. Apa-apa kos, perbelanjaan atau caj yang dilakukan berkaitan dengan pengurusan atau pengendalian Kumpulan Wang boleh dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang tertakluk pada kelulusan Jawatankuasa secara bertulis.

Pembayaran

5. Segala pembayaran daripada Kumpulan Wang hendaklah diperakukan oleh Pengerusi Jawatankuasa atau, semasa ketiadaannya, oleh seorang Pegawai Kanan Bomba yang juga merupakan seorang anggota Jawatankuasa.

Pemberian pinjaman

6. Pinjaman yang dikeluarkan daripada Kumpulan Wang hendaklah—

- (a) dijamin oleh dua orang penjamin yang diluluskan secara bertulis oleh seorang anggota Jawatankuasa atau bercagarkan suatu gadai janji harta tak alih;
- (b) tertakluk pada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Jawatankuasa;
- (c) dikenakan bunga pada apa-apa kadar sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa; dan
- (d) walau apa pun perenggan (c), tanpa bunga jika ia tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan dibayar balik dalam masa empat tahun dari tarikh pinjaman itu diberikan.

Hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan

7. Mana-mana pinjaman atau bahagian pinjaman yang dibuat daripada Kumpulan Wang dan caj perkhidmatan yang kena dibayar berkaitan dengan pemprosesan, kelulusan, pengurusan, penebusan dan dapatan balik pinjaman hendaklah disifatkan sebagai hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan dan hendaklah didapatkan semula dengan sewajarnya.

Akaun

8. (1) Jawatankuasa atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Jawatankuasa hendaklah dengan sewajarnya menyimpan dan menyenggarakan akaun yang sepatutnya bagi Kumpulan Wang yang hendaklah diimbangi secara bulanan dengan akaun yang disenggarakan oleh Akauntan Negara.

Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Kumpulan Wang Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba) 7

(2) Kumpulan Wang hendaklah mempunyai kredit pada setiap masa dan tidak boleh terlebih keluar.

(3) Jawatankuasa hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin selepas 31 Disember setiap tahun, tetapi dalam mana-mana hal tidak lewat daripada 31 Mac tahun kewangan yang berikutnya, mengemukakan kepada Ketua Audit Negara penyata akaun yang menunjukkan baki permulaan, penerimaan ke dalam, pembayaran daripada dan baki penutup, Kumpulan Wang bagi tahun itu.

(4) Suatu salinan penyata akaun yang telah diperiksa dengan sewajarnya oleh Ketua Audit Negara hendaklah dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Akauntan Negara.

(5) Akaun Kumpulan Wang hendaklah ditutup apabila ia tidak lagi dikehendaki dan baki kreditnya, jika ada, hendaklah dikreditkan ke dalam akaun yang berkenaan bagi Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan mengikut peruntukan subseksyen 9(5) dan (6) Akta Tatacara Kewangan 1957.

Dibuat 20 Jun 1997

[KPKT (S) 01/563/1 Jld. 2; PN(PU²)471/II]

DATO' DR. TING CHEW PEH
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988****PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA
(KUMPULAN WANG KEBAJIKAN JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA)
1997****SENARAI PINDAAN**

Undang-undang yang meminda	Nama	Berkuat kuasa dari
-------------------------------	------	-----------------------

-TIADA-

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988****PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA
(KUMPULAN WANG KEBAIKAN JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA)
1997****SENARAI PERATURAN YANG DIPINDA**

Peraturan	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
-----------	---------------	-----------------------

-TIADA-
